



To: Our Valued Customers, Service Providers, Contractors, Vendors and Business Partners

SUBJECT: PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

We refer to the Malaysia Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”). Please be informed that GMG Group has issued and enclosed herewith our Personal Data Protection Notice (“Notice”), which sets out, among others, the manner in which GMG Group may collect, use, process, disclose, retain and protect personal data in connection with our business operations, services, contractual arrangements and dealings with customers, clients, service providers, contractors, vendors and other relevant parties.

For the purposes of this letter, “GMG Group” refers to Giga Shipping Sdn Bhd, Giga Car Terminal Sdn Bhd, Straits Auto Logistics Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers (Sarawak) Sdn Bhd, Giga Transporter Sdn Bhd, Proper Logistics Sdn Bhd, Startrek Carriers Sdn Bhd, Peaklink (M) Sdn Bhd, Giga Storage Sdn Bhd and/or such other related companies within the GMG group of companies, as applicable.

You are requested to carefully read the contents of the Notice. The Notice applies to personal data provided by you and/or collected from you, your company, your employees, representatives, agents, drivers, contact persons, consignees, customers, principals, subcontractors or any other relevant third party in connection with your dealings with GMG Group.

Unless GMG Group receives your written objection within seven (7) days from the date of receipt of this letter and the Notice, you shall be deemed to have acknowledged, accepted and consented to the collection, use, processing, disclosure, retention and transfer of personal data in accordance with the Notice. For the avoidance of doubt, you shall also be deemed to have accepted and consented to the Notice if, after receipt of the Notice, you:

- a. voluntarily disclose or continue to disclose any personal data to GMG Group;
- b. continue to use, request, receive or engage GMG Group’s services;
- c. continue to provide services to or transact with GMG Group;
- d. continue to engage in any business dealings, operational arrangements, contractual arrangements or communications with GMG Group; or
- e. otherwise continue any relationship or course of dealing with GMG Group.

If you do not agree to the Notice or wish to object to any part of the Notice, please notify us in writing within **seven (7) days** from receipt of this letter, failing which GMG Group shall proceed on the basis that you have no objection to the Notice.



Should you require any clarification, please contact our Data Protection Officer at the contact details stated in the Notice.

Thank you.

Yours faithfully,
For and on behalf of
GMG Group

Datuk Seri Panglima Kumar Prabakaran
Managing Director
Giga Shipping Sdn Bhd
and its subsidiaries

Datuk Adrian Henry D'Silva
Managing Director
Giga Car Terminal Sdn Bhd
Straits Auto Logistics Sdn Bhd



Kepada: Pelanggan Yang Dihargai, Penyedia Perkhidmatan, Kontraktor, Vendor dan Rakan Perniagaan Kami

PERKARA: NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kami merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia (“PDPA”). Sila dimaklumkan bahawa GMG Group telah mengeluarkan dan melampirkan bersama ini Notis Perlindungan Data Peribadi kami (“Notis”), yang antara lain, menerangkan cara bagaimana GMG Group boleh mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan, menyimpan dan melindungi data peribadi berkaitan dengan operasi perniagaan, perkhidmatan, pengaturan kontrak dan urusan kami dengan pelanggan, klien, penyedia perkhidmatan, kontraktor, vendor dan pihak-pihak berkaitan yang lain.

Bagi maksud surat ini, “GMG Group” merujuk kepada Giga Shipping Sdn Bhd, Giga Car Terminal Sdn Bhd, Straits Auto Logistics Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers (Sarawak) Sdn Bhd, Giga Transporter Sdn Bhd, Proper Logistics Sdn Bhd, Startrek Carriers Sdn Bhd, Peaklink (M) Sdn Bhd, Giga Storage Sdn Bhd dan/atau mana-mana syarikat berkaitan yang lain dalam kumpulan syarikat GMG, mengikut mana yang berkenaan.

Anda diminta untuk membaca kandungan Notis tersebut dengan teliti. Notis tersebut terpakai kepada data peribadi yang diberikan oleh anda dan/atau dikumpul daripada anda, syarikat anda, pekerja, wakil, ejen, pemandu, pihak hubungan, penerima konsainan, pelanggan, prinsipal, subkontraktor anda atau mana-mana pihak ketiga berkaitan yang lain berhubung dengan urusan anda dengan GMG Group.

Melainkan jika GMG Group menerima bantahan bertulis daripada anda dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan surat ini dan Notis tersebut, anda akan dianggap telah mengakui, menerima dan memberikan persetujuan terhadap pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, pendedahan, penyimpanan dan pemindahan data peribadi selaras dengan Notis tersebut. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, anda juga akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan Notis tersebut sekiranya, selepas menerima Notis tersebut, anda:

- a. secara sukarela mendedahkan atau terus mendedahkan apa-apa data peribadi kepada GMG Group;
- b. terus menggunakan, meminta, menerima atau mendapatkan perkhidmatan GMG Group;
- c. terus menyediakan perkhidmatan kepada atau mengurus niaga dengan GMG Group;
- d. terus terlibat dalam apa-apa urusan perniagaan, pengaturan operasi, pengaturan kontrak atau komunikasi dengan GMG Group; atau
- e. meneruskan apa-apa hubungan atau perjalanan urusan dengan GMG Group.



Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Notis tersebut atau ingin membantah mana-mana bahagian Notis tersebut, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan surat ini, jika gagal berbuat sedemikian, GMG Group akan meneruskan atas dasar bahawa anda tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap Notis tersebut.

Sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami berdasarkan butiran hubungan yang dinyatakan dalam Notis tersebut.


Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Bagi pihak
GMG Group

Datuk Seri Panglima Kumar Prabakaran
Pengarah Urusan
Giga Shipping Sdn Bhd
dan anak-anak syarikat

Datuk Adrian Henry-D'Silva
Pengarah Urusan
Giga Car Terminal Sdn Bhd
Straits Auto Logistics Sdn Bhd

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

(In accordance with the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia (“PDPA”))

1. INTRODUCTION

GMG Group (“the GMG Group” – comprising Giga Shipping Sdn Bhd, Giga Car Terminal Sdn Bhd, Straits Auto Logistics Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers (Sarawak) Sdn Bhd, Giga Transporter Sdn Bhd, Proper Logistics Sdn Bhd, Startrek Carriers Sdn Bhd, Peaklink (M) Sdn Bhd and Giga Storage Sdn Bhd) is committed to the protection of your personal data and privacy.


This Personal Data Protection Notice (“Notice”) explains how we collect, process, use, disclose, store, dispose of and protect your personal data in connection with our business, including but not limited to:

- a. Vehicle logistics and shipping services;
- b. Vehicle yard storage services and operations;
- c. Port handling and related operations;
- d. Vessel chartering;
- e. Customs clearance and forwarding services;
- f. Land transportation and vehicle distribution; and
- g. Related logistics, operational and support services.

2. COLLECTION OF PERSONAL DATA

“Personal Data” means any information which relates directly or indirectly to an identifiable individual. Depending on your dealings with GMG Group, this may include:

- a. Name;
- b. NRIC / Passport number;
- c. Contact details (phone, email, address);
- d. Employer and designation;
- e. Identification and security information (CCTV, visitor logs);
- f. Financial and banking details;
- g. Consignee / shipper / contact person details;
- h. Details of cargo or vehicles (e.g. name of Approved Permit holder etc);

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

- i. Customs declaration information linked to individuals;
- j. Delivery and pick-up locations and contact details;
- k. GPS or tracking information where applicable; or
- l. Digital data such as IP address and cookies.

3. SOURCES OF PERSONAL DATA COLLECTION


We may collect Personal Data:

- a. Directly from you;
- b. Through any means in connection with any bookings with us, including but not limited to online platforms, emails, phone calls, communication applications, and physical forms;
- c. From signed quotations, purchase orders, confirmations, invoices, and other transaction or contractual documents relating to bookings or services;
- d. From your employer, principal or company;
- e. From shipping lines, port authorities, terminal operators;
- f. From logistics and transport partners;
- g. From regulatory or government authorities;
- h. Through CCTV and security systems at our facilities;
- i. Through our website and digital platforms;
- j. From supplier application forms; or
- k. From third-party service providers.

4. PERSONAL DATA OF THIRD PARTIES

Where you provide GMG Group with Personal Data of any third party (including but not limited to your employees, staff, agents, drivers, consignees, contact persons or representatives), you represent, warrant and confirm that:

- a. You have obtained the necessary consent from such third party for the collection, use, processing by and disclosure of their Personal Data to GMG Group;
- b. You have informed such third party of GMG Group's role and the purposes for which their Personal Data will be processed in accordance with the PDPA of Malaysia and this Notice;

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

- c. You have notified such third party of the contents of this Notice, including the third party's rights in relation to the Personal Data under this Notice; and
- d. The Personal Data provided is accurate and not misleading.


GMG Group shall be entitled to rely on the above representations and shall not be responsible or liable for any failure by you to obtain the required consent or to comply with the PDPA in relation to Personal Data of third parties supplied to us.

5. REASON FOR PERSONAL DATA COLLECTION

A. Customers, Clients and Related Individuals

Personal Data of GMG Group's customers, clients, and related individuals may be collected and processed for the following purposes:


- a. To process, manage and administer bookings, orders and service requests;
- b. To verify identity and contact details;
- c. To communicate regarding bookings, services, updates and enquiries;
- d. To prepare quotations, confirmations, invoices, receipts and related documents;
- e. To fulfil contractual obligations and to perform, administer and enforce contracts;
- f. To arrange, coordinate and deliver the requested services;
- g. To facilitate logistics, operational and service execution requirements;
- h. To maintain records of commercial transactions and dealings;
- i. To manage customer accounts, billing and payment matters;
- j. To respond to enquiries, feedback, complaints or disputes;
- k. To conduct internal reviews, service improvement and quality assurance;
- l. To manage incidents, claims, insurances, investigations or legal matters arising from services;
- m. To comply with legal, regulatory, tax and audit requirements;
- n. To respond to requests from authorities, regulators, insurers or professional advisers;
- o. To protect our legal rights, property, and business interests;
- p. To apply for terminal's port pass or gate pass on behalf of customers or visitors;
- q. For internal administrative, operational, governance and record-keeping purposes; or
- r. For any other purpose related to the booking, transaction or provision of services.

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

B. Service Providers / Contractors / Vendors

Personal Data of Service Providers, Contractors and Vendors may be collected and processed for the following purposes:

- a. To evaluate, appoint, register and manage service providers, contractors and vendors;
- b. To verify identity, qualifications, licences, certifications and authorisations;
- c. To conduct due diligence, background checks and compliance screening (where required);
- d. To communicate regarding instructions, coordination, scheduling and performance of services;
- e. To fulfil contractual obligations and to perform, administer and enforce contracts or service agreements;
- f. To prepare, execute and manage quotations, work orders, purchase orders, service agreements and related documents;
- g. To facilitate operational coordination, logistics arrangements and service delivery;
- h. To manage site access, security clearance, safety and operational requirements;
- i. To monitor performance, service quality, KPIs and compliance with agreed standards;
- j. To administer billing, invoicing, payments, reimbursements and financial matters;
- k. To maintain vendor, contractor and transaction records;
- l. To communicate regarding business dealings, negotiations and projects;
- m. To handle complaints, disputes, incidents, investigations or claims arising from services;
- n. To manage insurance matters, liability assessments and risk management processes;
- o. To comply with legal, regulatory, tax, audit and reporting requirements;
- p. To respond to requests from authorities, regulators, insurers or professional advisers;
- q. To protect our legal rights, property, confidential information and business interests;
- r. To apply for terminal's port pass or gate pass on behalf of service providers, contractors or vendors;
- s. For internal administrative, operational, governance, audit and record-keeping purposes; or
- t. For any other purpose directly related to the engagement of the service provider, contractor or vendor.

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE


Where we appoint or engage any service provider, contractor, vendor or third party to process Personal Data on our behalf, such Personal Data shall only be processed for purposes relating to the relevant appointment, engagement, contract or service arrangement, strictly in accordance with our instructions, and for no other purpose.

By accepting, acknowledging or consenting to this Personal Data Protection Notice, the relevant service provider, contractor, vendor or third party is deemed to warrant, undertake and confirm that it shall comply with all applicable laws, regulations, codes of practice and industry standards relating to the privacy, confidentiality, protection and security of Personal Data, and shall implement appropriate measures to safeguard such Personal Data against unauthorised access, use, disclosure, loss, misuse, modification or destruction.

6. DISCLOSURE OF PERSONAL DATA

Personal Data may be disclosed to:

- a. GMG group companies and affiliates;
- b. Shipping lines and vessel operators;
- c. Port authorities and terminal operators;
- d. Customs authorities and regulators;
- e. Land transporters and logistics subcontractors;
- f. Insurance companies and financial institutions;
- g. Professional advisers (lawyers, tax agents, company secretaries, auditors, consultants);
- h. IT system and cloud service providers;
- i. Security and facility management providers;
- j. Government agencies or local authorities;
- k. Law enforcement agencies where required; or
- l. Any other person, party or organisation where such disclosure is reasonably necessary for our business, operational, legal, regulatory, contractual, administrative or legitimate purposes.

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

7. TRANSFER OF PERSONAL DATA OUTSIDE MALAYSIA

Due to the international nature of shipping and logistics, Personal Data may be transferred outside Malaysia to shipping lines, overseas agents, foreign port authorities, or any other person, party or organisation where such disclosure is reasonably necessary for our business and operation, subject to appropriate safeguards.

8. SECURITY MEASURES

We take reasonable practical steps to protect and secure Personal Data, including:

- a. Access controls and authentication;
- b. Secure IT protection systems;
- c. Confidentiality obligations for staff and contractors;
- d. Vendor data protection requirements; and
- e. Physical security and CCTV at facilities.

9. RETENTION OF PERSONAL DATA


Personal Data is retained only as long as necessary for business, legal, regulatory and contractual purposes, after which it will be securely destroyed or anonymised.

10. YOUR RIGHTS

Subject to PDPA, you may:

- a. Request access to your Personal Data;
- b. Request update or correction of inaccurate data;
- c. Withdraw consent (where processing is based on consent);
- d. Limit, prevent or object to certain processing of Personal Data; or
- e. Prevent processing for marketing communications.

If you would like to exercise your rights above, please contact us at the details provided in Section 13 below.

	GMG Group of Companies	Document Title:
		PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

11. COOKIES & WEBSITE

Our website may use cookies to improve functionality and user experience. Browser settings may be adjusted to refuse cookies.

12. PERSONAL DATA OF CHILDREN / MINORS

You must inform us immediately if any Personal Data provided to us relates to an individual below the age of eighteen (18) years. Where you provide Personal Data relating to a child or minor, you represent and warrant that you are the person legally authorised to provide such Personal Data to us, and that you have obtained all necessary consent for us to collect, use, process, disclose, retain and transfer such Personal Data in accordance with this Notice.

If you fail to inform us that the Personal Data relates to a child or minor, we shall be entitled to process such Personal Data on the basis that it does not relate to a child or minor, and we shall not be responsible for any claim, liability, loss, damage, cost or expense arising from or in connection with any failure to notify us accordingly, to the fullest extent permitted by law.

13. CONTACT US

Our contact details are as follows:

GMG Group

Data Protection Officer


Address: Level 5, No.1 Jalan Penyair U1/44, Seksyen U1, Glenmarie, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: 03-55691188

Email: nurul.nadiah@gigaship.com

14. CONFLICT

In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail.

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

(Berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("PDPA"))

1. PENGENALAN

GMG Group ("GMG Group" - yang terdiri daripada Giga Shipping Sdn Bhd, Giga Car Terminal Sdn Bhd, Straits Auto Logistics Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, Nexus Mega Carriers (Sarawak) Sdn Bhd, Giga Transporter Sdn Bhd, Proper Logistics Sdn Bhd, Starrtrek Carriers Sdn Bhd, Peaklink (M) Sdn Bhd dan Giga Storage Sdn Bhd) adalah komited terhadap perlindungan data peribadi dan privasi anda.

Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") menerangkan cari bagaimana kami mengumpul, memproses, menggunakan, mendedahkan, menyimpan, melupuskan dan melindungi data peribadi anda berhubung dengan perniagaan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. Perkhidmatan logistik dan penghantaran kenderaan;
- b. Perkhidmatan dan operasi penyimpanan kenderaan di kawasan simpanan kenderaan;
- c. Pengendalian pelabuhan dan operasi berkaitan;
- d. Penyewaan kapal;
- e. Perkhidmatan pelepasan kastam dan penghantaran barang;
- f. Pengangkutan darat dan pendedaran kenderaan; dan
- g. Perkhidmatan logistik, operasi dan sokongan yang berkaitan.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

"Data Peribadi" bermaksud apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang individu yang boleh dikenal pasti. Bergantung pada urusan anda dengan GMG Group, ini termasuk:

- a. Nama;
- b. Nombor NRIC / Pasport;
- c. Butiran perhubungan (telefon, e-mel, alamat);
- d. Majikan dan jawatan;
- e. Maklumat pengenalan dan keselamatan (CCTV, rekod pelawat);
- f. Butiran kewangan dan perbankan;
- g. Butiran penerima konsainan / penghantar / pihak untuk dihubungi;
- h. Butiran kargo atau kenderaan (contohnya nama pemegang Lesen Import dan sebagainya);
- i. Maklumat deklarasi kastam yang dikaitkan dengan individu;
- j. Lokasi penghantaran dan pengambilan serta butiran pihak untuk dihubungi;

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- k. Maklumat GPS atau penjejakan, jika berkenaan; atau
- l. Data digital seperti alamat IP dan “cookies”.

3. SUMBER PENGUMPULAN DATA PERIBADI


Kami boleh mengumpul Data Peribadi:

- a. Secara langsung daripada anda;
- b. Melalui apa-apa cara berhubung dengan sebarang tempahan dengan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada platform dalam talian, e-mel, panggilan telefon, aplikasi komunikasi, dan borang fizikal;
- c. Daripada sebut harga yang ditandatangani, pesanan pembelian, pengesahan, invois, dan dokumen transaksi atau kontrak lain yang berkaitan dengan tempahan atau perkhidmatan;
- d. Daripada majikan, prinsipal atau syarikat anda;
- e. Daripada syarikat perkapalan, pihak berkuasa pelabuhan, pengendali terminal;
- f. Daripada rakan kongsi logistik dan pengangkutan;
- g. Daripada pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan;
- h. Melalui CCTV dan sistem keselamatan di fasiliti kami;
- i. Melalui laman web dan platform digital kami;
- j. Daripada borang permohonan pembekal; atau
- k. Daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

4. DATA PERIBADI PIHAK KETIGA

Sekiranya anda memberi kepada GMG Group Data Peribadi mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja, kakitangan, ejen, pemandu, penerima konsainan, pihak untuk dihubungi atau wakil anda), anda menyatakan, menjamin dan mengesahkan bahawa:

- a. Anda telah memperoleh persetujuan yang diperlukan daripada pihak ketiga tersebut untuk pengumpulan, penggunaan, pemprosesan oleh dan pendedahan Data Peribadi mereka kepada GMG Group;
- b. Anda telah memaklumkan pihak ketiga tersebut mengenai peranan GMG Group dan tujuan Data Peribadi mereka akan diproses selaras dengan PDPA Malaysia dan Notis ini;
- c. Anda telah memaklumkan pihak ketiga tersebut tentang kandungan Notis ini, termasuk hak pihak ketiga tersebut berhubung dengan Data Peribadi di bawah Notis ini; dan
- d. Data Peribadi yang diberikan adalah tepat dan tidak mengelirukan.

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI


GMG Group berhak untuk bergantung pada representasi di atas dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan anda untuk memperoleh persetujuan yang diperlukan atau untuk mematuhi PDPA berhubung dengan Data Peribadi pihak ketiga yang diberikan kepada kami.

5. ALASAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI

A. Pelanggan, Klien dan Individu Berkaitan

Data Peribadi pelanggan, klien dan individu yang berkaitan mungkin dikumpul dan diproses untuk tujuan-tujuan berikut:

- a. Untuk memproses, mengurus dan mengendalikan tempahan, pesanan dan permintaan perkhidmatan;
- b. Untuk mengesahkan identiti dan butiran perhubungan;
- c. Untuk berkomunikasi berkenaan tempahan, perkhidmatan, kemas kini dan pertanyaan;
- d. Untuk menyediakan sebut harga, pengesahan, invois, resit dan dokumen berkaitan;
- e. Untuk memenuhi obligasi kontrak dan untuk melaksanakan, mengendalikan serta menguatkuasakan kontrak;
- f. Untuk mengatur, menyelaras dan menyampaikan perkhidmatan yang diperlukan;
- g. Untuk memudahkan keperluan logistik, operasi dan pelaksanaan perkhidmatan;
- h. Untuk menyimpan rekod transaksi dan urusan komersial;
- i. Untuk mengurus akaun, pelanggan, bil dan perkara pembayaran;
- j. Untuk menjawab pertanyaan, maklum balas, aduan atau pertikaian;
- k. Untuk menjalankan semakan dalaman, penambahbaikan perkhidmatan dan jaminan kualiti;
- l. Untuk mengendalikan insiden, tuntutan, insurans, siasatan atau perkara undang-undang yang timbul daripada perkhidmatan;
- m. Untuk mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia, cukai dan audit;
- n. Untuk menjawab permintaan daripada pihak berkuasa, pengawal selia, syarikat insurans atau penasihat profesional;
- o. Untuk melindungi hak undang-undang, harta benda dan kepentingan perniagaan kami;
- p. Untuk memohon pas pelabuhan terminal atau pas masuk bagi pihak pelanggan atau pelawat;
- q. Untuk tujuan pentadbiran dalaman, operasi, tadbir urus dan penyimpanan rekod; atau


	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- r. Untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan tempahan, transaksi atau penyediaan perkhidmatan.

B. Penyedia Perkhidmatan / Kontraktor / Vendor

Data Peribadi Penyedia Perkhidmatan, Kontraktor dan Vendor mungkin dikumpul dan diproses untuk tujuan-tujuan berikut:

- a. Untuk menilai, melantik, mendaftarkan dan mengendalikan penyedia perkhidmatan, kontraktor dan vendor;
- b. Untuk mengesahkan identiti, kelayakan, lesen, pensijilan dan kebenaran;
- c. Untuk melaksanakan “*due diligence*”, semakan latar belakang dan saringan pematuhan (di mana diperlukan);
- d. Untuk berkomunikasi berkenaan arahan, penyelarasan, penjadualan dan prestasi perkhidmatan;
- e. Untuk memenuhi obligasi kontrak dan untuk melaksanakan, mentadbir serta menguatkuasakan kontrak atau perjanjian perkhidmatan;
- f. Untuk menyediakan, melaksanakan dan mengurus sebut harga, arahan kerja, pesanan pembelian, perjanjian perkhidmatan dan dokumen berkaitan;
- g. Untuk memudahkan penyelarasan operasi, pengaturan logistik dan pelaksanaan perkhidmatan;
- h. Untuk mengurus akses tapak, pelepasan keselamatan, keselamatan dan keperluan operasi;
- i. Untuk memantau prestasi, kualiti perkhidmatan, KPI dan pematuhan terhadap standard yang dipersetujui;
- j. Untuk mengendalikan bil, invois, pembayaran, bayaran balik dan perkara kewangan;
- k. Untuk menyimpan rekod vendor, kontraktor dan transaksi;
- l. Untuk berkomunikasi berkenaan urusan perniagaan, rundingan dan projek;
- m. Untuk mengendalikan aduan, pertikaian, insiden, siasatan atau tuntutan yang timbul daripada perkhidmatan;
- n. Untuk mengurus perkara insurans, penilaian liabiliti dan proses pengurusan risiko;
- o. Untuk mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia, cukai, audit dan pelaporan;
- p. Untuk menjawab permintaan daripada pihak berkuasa, pengawal selia, pihak insurans atau penasihat profesional;
- q. Untuk melindungi hak undang-undang, harta benda, maklumat sulit dan kepentingan perniagaan kami;
- r. Untuk memohon pas pelabuhan terminal atau pas masuk bagi pihak penyedia perkhidmatan, kontraktor atau vendor;
- s. Untuk tujuan pentadbiran dalaman, operasi, tadbir urus, audit dan penyimpanan rekod; atau

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- t. Untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan urusan penyedia perkhidmatan, kontraktor atau vendor.

Sekiranya kami melantik atau menggunakan mana-mana penyedia perkhidmatan, kontraktor, vendor atau pihak ketiga untuk memproses Data Peribadi bagi pihak kami, Data Peribadi tersebut hanya boleh diproses untuk tujuan yang berkaitan dengan pelantikan, penglibatan, kontrak atau pengaturan perkhidmatan yang berkenaan, secara ketat menurut arahan kami, dan bukan untuk tujuan lain.

Dengan menerima, memperakui atau bersetuju dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini, penyedia perkhidmatan, kontraktor, vendor atau pihak ketiga yang berkenaan dianggap telah menjamin, beraku janji dan mengesahkan bahawa ia akan mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod amalan dan standard industri yang terpakai berkaitan privasi, kerahsiaan, perlindungan dan keselamatan Data Peribadi, dan akan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi Data Peribadi tersebut daripada akses, penggunaan, pendedahan, kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian atau pelupusan tanpa kebenaran.

6. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Data Peribadi mungkin didedahkan kepada:

- a. Syarikat-syarikat dan "affiliate" GMG Group;
- b. Syarikat perkapalan dan pengendali kapal;
- c. Pihak berkuasa pelabuhan dan pengendali terminal;
- d. Pihak berkuasa kastam dan pengawal selia;
- e. Pengangkut darat dan subkontraktor logistik;
- f. Syarikat insurans dan institusi kewangan;
- g. Penasihat profesional (peguam, ejen cukai, setiausaha syarikat, juruaudit, perunding);
- h. Penyedia sistem IT dan perkhidmatan "cloud";
- i. Penyedia perkhidmatan keselamatan dan pengurusan fasiliti;
- j. Agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan;
- k. Agensi penguatkuasaan undang-undang, jika diperlukan; atau
- l. Mana-mana orang, pihak atau organisasi lain sekiranya pendedahan tersebut adalah munasabah dan diperlukan untuk tujuan perniagaan, operasi, undang-undang, kawal selia, kontrak, pentadbiran atau tujuan sah.

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

7. PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

Disebabkan oleh sifat perkapalan dan logistik yang bersifat antarabangsa, Data Peribadi mungkin dipindahkan ke luar Malaysia kepada syarikat perkapalan, ejen luar negara, pihak berkuasa pelabuhan asing, atau mana-mana orang, pihak atau organisasi lain sekiranya pendedahan tersebut adalah secara munasabah diperlukan untuk perniagaan dan operasi kami, tertakluk kepada perlindungan yang sewajarnya.

8. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

Kami mengambil langkah-langkah praktikal yang munasabah untuk melindungi dan menjamin keselamatan Data Peribadi, termasuk:

- a. Kawalan akses dan pengesahan;
- b. Sistem perlindungan IT yang selamat;
- c. Obligasi kerahsiaan untuk kakitangan dan kontraktor;
- d. Keperluan perlindungan data bagi vendor; dan
- e. Keselamatan fizikal dan CCTV di fasiliti.

9. PENYIMPANAN DATA PERIBADI


Data Peribadi disimpan hanya selama mana yang diperlukan untuk tujuan perniagaan, undang-undang, kawal selia dan kontrak, selepas itu ia akan dilupuskan secara selamat.

10. HAK ANDA

Tertakluk kepada PDPA, anda boleh:

- a. Memohon akses kepada Data Peribadi anda;
- b. Memohon pengemaskinian atau pembetulan data yang tidak tepat;
- c. Menarik balik persetujuan (sekiranya pemprosesan adalah berdasarkan persetujuan);
- d. Mengehadkan, menghalang atau membantah pemprosesan Data Peribadi; atau
- e. Menghalang pemprosesan untuk komunikasi pemasaran.

Sekiranya anda ingin melaksanakan hak-hak anda di atas, sila hubungi kami melalui butiran yang dinyatakan dalam Seksyen 13 di bawah.

	GMG Group of Companies	Tajuk Dokumen:
		NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

11. COOKIES & LAMAN WEB

Laman web kami mungkin menggunakan cookies untuk meningkatkan fungsi dan kemudahan untuk pelanggan. Pilihan “browser” boleh dilaraskan untuk menolak “cookies”.

12. DATA PERIBADI KANAK-KANAK / INDIVIDU BAWAH UMUR

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya mana-mana Data Peribadi yang diberikan kepada kami berkaitan dengan individu di bawah umur lapan belas (18) tahun. Sekiranya anda memberikan Data Peribadi berkaitan dengan kanak-kanak atau individu bawah umur, anda menyatakan dan menjamin bahawa anda merupakan pihak yang diberi kuasa dari segi undang-undang untuk memberikan Data Peribadi tersebut kepada kami, dan bahawa anda telah memperoleh kesemua persetujuan yang diperlukan untuk kami mengumpul, menggunakan, memproses, mendedahkan, menyimpan dan memindahkan Data Peribadi tersebut selaras dengan Notis ini.

Sekiranya anda gagal memaklumkan kepada kami bahawa Data Peribadi tersebut berkaitan dengan kanak-kanak atau individu bawah umur, kami berhak untuk memproses Data Peribadi tersebut atas dasar bahawa ia tidak berkaitan dengan kanak-kanak atau individu bawah umur, dan kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang kegagalan untuk memaklumkan perkara tersebut kepada kami, setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang.

13. HUBUNGI KAMI

Butiran perhubungan kami adalah seperti berikut:

GMG Group

Pegawai Perlindungan Data

Alamat: Level 5, No.1 Jalan Penyair U1/44, Seksyen U1, Glenmarie, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: 03-55691188

E-mel: nurul.nadiah@gigaship.com

14. PERCANGGAHAN

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, percanggahan, keaburan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.